

06/02/1998

Keputusan badan perhubungan demi perpaduan

KOTA BHARU, Khamis - Keputusan Badan Perhubungan Umno Kelantan untuk tidak mempertandingkan jawatan ketua bahagian bukan untuk mempertahankan kedudukan penyandang jawatan itu, kata Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Datuk Ahmad Rastom Datuk Ahmad Maher.

Beliau berkata, keputusan itu lahir daripada hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Menurutnya, keputusan mesyuarat perhubungan parti pada 26 Januari lalu bukan keputusan individu ketua bahagian sendiri tetapi keputusan pucuk pimpinan parti.

"Langkah itu juga bukan bertujuan untuk mempertahankan kedudukan penyandang jawatan itu, tetapi demi perpaduan parti.

"Mungkin ada sesuatu yang tersirat di sebalik hasrat yang lahir daripada Dr Mahathir yang sukar untuk kita tafsirkan," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai keputusan Badan Perhubungan Umno Kelantan yang bersetuju untuk tidak mengadakan pertandingan bagi jawatan ketua bahagian dalam mesyuarat pemilihan, Mac ini.

Menurutnya, sebagai ketua bahagian yang bersikap terbuka, beliau sanggup menghadapi cabaran, jika pertandingan itu dijalankan secara sihat dan menepati kehendak perlembagaan.

"Saya tidak takut dicabar dan ini bukan bermakna saya angkuh. Pertandingan juga perlu untuk menguji sejauh mana pengaruh dan kepemimpinan seseorang ketua dalam memimpin bahagian.

"Ini kerana, dari situlah kita boleh melihat kemampuan kita sebagai pemimpin," katanya.

Ahmad Rastom menasihatkan ahli Umno supaya tidak terlalu ghairah dalam menghadapi suasana pemilihan, sebaliknya mereka hendaklah menumpukan perpaduan dalam parti.

"Mereka perlu mengetepikan fahaman berpuak-puak dalam parti yang boleh menjejaskan jentera parti.

"Ini kerana masih banyak agenda yang perlu dilaksanakan terutama dalam menghadapi parti lawan dalam pilihan raya akan datang serta berhasrat untuk merampas semula Kelantan daripada Pas," katanya.

(END)